

29/10/1998

Kawalan ringgit perlu diperjelas

Kadir Dikoh

MALAYSIA perlu mempunyai satu suara bagi memperjelaskan isu dasar kawalan tukaran asing yang masih menjadi kontroversi di peringkat antarabangsa sehingga dikatakan ada menimbulkan kebimbangan di kalangan pelabur.

Berdasarkan maklum balas, kalangan masyarakat pelabur asing inginkan kepastian serta jaminan daripada Malaysia bahawa langkah itu bukan berkekalan dan tiada lagi tindakan drastik tambahan berkisar kepada kawalan seumpama itu diperkenalkan pada masa akan datang.

Pengarah eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata apa yang berlaku ialah cuma berkisar kepada kekeliruan di kalangan masyarakat antarabangsa itu.

"Untuk menangani kekeliruan itu, kita cuma perlu memberi penjelasan dan dalam memberi penjelasan ini, satu suara yang senada penting supaya tidak mengelirukan lagi keadaan," katanya kepada Berita Harian.

Kerajaan memperkenalkan langkah drastik kawalan berpilih terhadap tukaran asing pada 1 September lalu dan sehari kemudian menetapkan kadar tukaran ringgit kepada RM3.80 berbanding satu dolar Amerika.

Bagaimanapun, langkah itu tidak menyekat kemasukan pelabur terutama pelaburan langsung asing (FDI) dan mereka masih boleh membawa pulang keuntungan serta dividen.

Dasar itu menjurus kepada usaha untuk mengekang kemasukan modal jangka pendek yang berbentuk manipulatif oleh dana lindung dana dan spekulatif oleh pedagang mata wang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merangkap Menteri Kewangan Pertama sebelum ini beberapa kali memberi jaminan termasuk ketika lawatan ke Tokyo baru-baru ini bahawa Malaysia sedia menarik balik peraturan kawalan tukaran asing jika wujud sistem kawal selia kewangan sejagat yang sempurna.

Abdul Razak berkata, jaminan Dr Mahathir itu sudah jelas tetapi Malaysia perlu lebih khusus tanpa memberi alasan mengapa kawalan itu bersifat sementara.

"Sudah semestinya kita tidak dapat memberi petunjuk bahawa kawalan itu cuma untuk setahun, dua tahun dan sebagainya.

"Kita boleh memberi jaminan bahawa kawalan itu akan ditarik balik kepada aliran pasaran bebas apabila keadaan mengizinkan," katanya.

Sementara itu, Pengetua Asia Network Research Sdn Bhd, syarikat penyelidikan teknologi maklumat Jepun yang beribu pejabat di Tokyo, Izumi Aizu (pejabat Kuala Lumpur), berkata pada mulanya dasar itu memang mengelirukan ramai pihak termasuk masyarakat Jepun di negara ini.

"Ini termasuk kebimbangan sama ada ringgit boleh ditukar kepada yen. Selepas beberapa penjelasan diberi, rasional tindakan itu sudah difahami.

"Bagi peniaga termasuk dari Jepun misalnya, kadar tukaran tetap RM3.80 berbanding dolar Amerika membolehkan mereka membuat perancangan perniagaan dengan mudah.

"Namun, persoalan yang timbul ialah selama mana dasar kawalan ini dipraktikkan dan selama ini kadar tetap ini diguna pakai. Tiada siapa dapat meramalkan dengan tepat dalam keadaan ekonomi dunia yang coraknya sudah berubah begitu rupa berikutan krisis kewangan sekarang. Kita tidak tahu dengan pasti, apakah kesan jangka panjang terhadap langkah ini," katanya.

Katanya, walaupun peraturan apa sekalipun di rangka oleh kerajaan, keadaan masa depan ekonomi serantau masih berliku dan sukar diramalkan.

(END)